

08/09/2001

Asia Tenggara boleh bangkit selepas Sukan Sea XXI: PM

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 seharusnya menyaksikan kebangkitan baru Asia Tenggara dalam bidang sukan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata jika Sukan Sea kali ini dapat menjadi titik permulaan ke arah matlamat itu, Malaysia akan lebih awal berusaha mengerah segala tenaga di bidang sukan dari segi pengurusan, kejurulatihan dan prestasi supaya Asean akan berdiri megah dan teguh dalam dunia sukan antarabangsa pada masa depan.

Dalam mesejnya di buku cenderamata rasmi Sukan Sea yang bermula esok, Dr Mahathir berkata sememangnya tiada sebab mengapa masyarakat sukan di rantau ini tidak dapat bekerjasama untuk saling membantu dalam mengejar kecemerlangan.

Sukan dwitahunan itu yang disertai 10 negara Asean akan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Stadium Nasional Bukit Jalil, malam esok.

"Kerjasama serantau tidak seharusnya mencakupi politik dan ekonomi sahaja, ia ada kaitan juga dengan sukan.

"Sukan mungkin tidak selalunya dapat mengatasi politik atau ekonomi. Di samping itu ia tidak sama sekali boleh digagalkan oleh kekacauan politik dan kegawatan ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata terpulang kepada semua peserta Asia Tenggara untuk berusaha tanpa kompromi bagi mencapai paras kejayaan yang setinggi mungkin.

Katanya, kesanggupan negara Asia Tenggara bekerjasama tidak seharusnya menjadi persoalan lagi.

Tambahnya, sasaran dikejar adalah untuk meningkatkan mutu atlit rantau ini agar dunia memberi penghormatan sewajarnya kepada ahli sukan Asia Tenggara pada masa depan.

(END)